

MTDC bantu komersialkan penyelidikan tempatan

Sinar Harian (Kuantan) Khamis 24/11/08 Pg: P2

Lemaskan teknologi tempatan selain dapat meluaskan program ini menerusi penglibatan universiti baru seluruh negara.

■ MOHD ZAKY ZAINUDDIN

KUANTAN-Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) meneruskan agenda Rancangan

Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) menguruskan dana untuk mengkomersialkan bidang penyelidikan daripada universiti tempatan.

Usaha murni itu telah membuka peluang kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengetengahkan penyelidikan mereka ke pasaran dunia sekali gus mampu menggalakkan syarikat korporat memberi kerjasama membangunkan bidang berkenaan.

Projek perintis yang dimulakan sejak RMK-7 itu telah membantu IPTA memasarkan teknologi tempatan selain dapat meluaskan program ini menerusi penglibatan universiti baru seluruh negara.

Pengarah Pembangunan Teknologi MTDC, Norhalim Yunus, berkata, penyelidikan yang dikembangkan oleh universiti seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah membuktikan anak tempatan mampu membangunkan kepakaran sendiri.

Katanya, pembabitan ini juga telah menunjukkan negara kita juga semakin ke hadapan untuk membawa satu perubahan dalam meningkatkan bidang berkenaan untuk dikomersialkan bukan sahaja kepada pasaran dalam negara tetapi antarabangsa.

"Kita mahu membantu universiti yang ingin bangunkan penyelidikan dan kami akan memberi dana sebanyak 70 paratus kepada kos projek manakala selebihnya diuruskan oleh mereka menerusi Commercialization Research Development Funds (CRDF).

"Usaha ini ternyata terbukti apabila telah ada syarikat yang telah mengkomersialkan projek mereka untuk dipasarkan dan kami sentiasa akan membantu mereka untuk mendapatkan dana tambahan untuk meningkatkan lagi kualiti penyelidikan," katanya ketika memberi ucapan di Universiti Malaysia Pahang semalam.

Menurut Norhalim, cita-cita MTDC adalah membantu universiti tempatan



MTDC buka peluang kepada universiti untuk bangunkan penyelidikan - Norhalim Yunus.

mendapatkan pasaran antarabangsa serta memberi galakan kepada semua syarikat dan agensi lain turut serta seterusnya menjadikan negara kita pengeluar kepada teknologi.

Tambahnya, MTDC akan menyediakan ekosistem lengkap dengan me-

nyediakan inkubator seperti mana yang tersedia di UKM, UTM dan UPM dan ia akan diteruskan di universiti lain.

"Kajian akan digunakan untuk kebaikan. UMP boleh menjadikan usaha tersebut sebagai permulaan dan kami berharap dapat membantu," jelasnya.